



SABUN DARI MINYAK MASAK TERPAKAI

JABATAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN

BAHAGIAN PERSEKITARAN MAMPAH


Sabun dari Minyak Masak Terpakai

Produk sabun dari sebahagian minyak masak terpakai dibuat bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan agar bahan terbuang boleh digunakan untuk menghasilkan bahan yang bermanfaat. Ia juga bertujuan untuk mendidik kecintaan kepada alam sekitar agar minyak masak terpakai tidak dibuang ke sinki atau longkang bagi mengelakkan berlakunya pencemaran pada air atau menyebabkan saluran air tersumbat. Produk sabun ini akan digunakan untuk mencuci pinggan dan mangkuk. Antara kebaikannya ialah boleh mengelakkan kulit pengguna produk sabun ini dari mengelupas. Produk ini juga tidak mengandungi bahan kimia yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran. Ia juga mengandungi 'glycerine' yang boleh melindungi kulit tangan dari menjadi kering. Oleh itu, kulit tangan pengguna akan sentiasa lembut walaupun banyak melakukan kerja-kerja pencucian pinggan mangkuk.



BAHAN DIPERLUKAN

**1 Liter minyak masak terpakai
400 ml Air
120 gm cautic soda**



120 gm cautic soda

1 liter minyak , 400 ml air

Tapiskan minyak terpakai

Panduan

- **Masukkan cautic soda ke dalam bekas plastik yang berisi air, kacau dan biarkan sejuk,**
- **selepas 15 minit, masukkan minyak terpakai kacau hingga pekat, tuang ke dalam acuan.**
- **Simpan di tempat yang mempunyai kitaran udara yang baik, jauh dari matahari.**
- **Selepas 1 minggu keluar dari acuan, biarkan lagi 3 minggu baru boleh diguna.**





HASIL PEMBUATAN SABUN DARI MINYAK MASAK TERPAKAI

Bentuk dan Warna boleh
dilakukan mengikut
kreativiti anda

